



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) W.P. LABUAN, 2025

**Sektor Perkhidmatan menerajui pertumbuhan ekonomi
W.P. Labuan**

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) W.P. LABUAN, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “Peningkatan ekonomi W.P. Labuan pada tahun 2025 dicerminkan melalui nilai KDNK sebanyak RM8.7 bilion berbanding RM8.6 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan tahunan 1.7 peratus.”

Dari aspek komposisi ekonomi W.P. Labuan pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi dengan menyumbang sebanyak 80.2 peratus kepada nilai KDNK. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing menyumbang sebanyak 15.8 peratus dan 1.8 peratus. Sementara itu, Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 1.5 peratus.

Pertumbuhan ekonomi W.P. Labuan sebanyak 1.7 peratus disokong oleh sektor Perkhidmatan yang meningkat 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM7.0 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang berkembang 1.0 peratus. Pada tempoh sama, subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan bertumbuh 5.8 peratus.

Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan perlahan sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2025, dengan nilai ditambah berjumlah RM1.4 bilion. Ini dipengaruhi terutamanya oleh Petroleum, kimia, getah dan plastik yang menyusut 4.0 peratus. Walau bagaimanapun, Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka meningkat 3.0 peratus mengimbangi kejatuhan tersebut.

Sektor Pembinaan meningkat 2.2 peratus pada tahun 2025 dengan nilai ditambah sebanyak RM155.2 juta. Pertumbuhan prestasi sektor ini didorong oleh peningkatan dalam Aktiviti pertukangan khas sebanyak 6.6 peratus dan Pembinaan bangunan sebanyak 3.2 peratus.

Sebaliknya, sektor Pertanian menyusut 0.4 peratus dengan nilai ditambah berjumlah RM128.1 juta. Penurunan ini disebabkan oleh subsektor Perikanan yang merosot 1.5 peratus, berbanding pertumbuhan 2.2 peratus pada tahun sebelumnya.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, W.P. Labuan merekodkan KDNK per kapita bernilai RM88,764 melebihi paras nasional (RM59,167). Ini sekali gus meletakkan W.P. Labuan di kedudukan ketiga tertinggi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Wilayah Persekutuan Labuan, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

W.P. LABUAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

The Services sector leads the economic growth of W.P. Labuan

PUTRAJAYA, 1st JULY 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **W.P. LABUAN GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, "The expansion in W.P. Labuan's economy in 2025 was reflected in its GDP value of RM8.7 billion compared to RM8.6 billion in 2024, representing an annual growth of 1.7 per cent."

In terms of W.P. Labuan's economic composition in 2025, the Services sector emerged as the primary contributor, comprising 80.2 per cent of its GDP. This was followed by the Manufacturing and Construction sectors, contributing 15.8 per cent and 1.8 per cent respectively. Meanwhile, the Agriculture sector contributed 1.5 per cent.

The economic growth of 1.7 per cent in W.P. Labuan was attributed by Services sector which increased 2.1 per cent compared to the previous year, achieving a value added of RM7.0 billion. This growth was driven by Finance & insurances, real estate and business services subsector, which edged up by 1.0 per cent. Within the same period, the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector rose 5.8 per cent.

Meanwhile, the Manufacturing sector recorded a slower growth of 0.1 per cent with value added amounting to RM1.4 billion in 2025. This was mainly influenced by Petroleum, chemical, rubber and plastic products which contracted by 4.0 per cent. However, the Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products grew 3.0 per cent, offsetting the decline.

The Construction sector increased by 2.2 per cent in 2025, achieving a value added of RM155.2 million. The growth was driven by the Specialised construction activities, which grew by 6.6 per cent and Building construction by 3.2 per cent.

In contrast, the Agriculture sector decreased by 0.4 per cent with a value added of RM128.1 million. The decline was due to the Fisheries subsector, which recorded a contraction of 1.5 per cent, compared to growth of 2.2 per cent in the preceding year.


Shifting to the GDP per capita performance, W.P. Labuan's GDP per capita amounted to RM88,764, surpassing the national level (RM59,167). This placed W.P. Labuan in the third highest ranks.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Wilayah Persekutuan Labuan's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**